



UB 24.12.2020 P.18

HAZMAN: Presiden MPP UMS bagi sesi 2020/2021.

MPP UMS Sesi 2020/2021 diterajui pelajar Fakulti Sains dan Sumber Alam

Oleh Safrah Mat Salleh

KOTA KINABALU: Pelajar Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Razman Durban diangkat sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS bagi sesi 2020/2021.

Razman dipilih melalui satu Mesyuarat Pembentukan Kabinet MPP yang dipengerusikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin.

Pelajar tahn tiga program Matematik dan Ekonomi itu terpilih selepas mendapat undian sebanyak 5,228 pada Pilihan Raya Kampus yang berlangsung Jumaat lalu.

Turut terpilih mengisi beberapa jawatan dalam MPP ialah Timbalan Presiden Mohd Norraihan Korne, Setausaha, Tan Mei Jun dan Bendahari, Nur'Ain Mardiyah Harun.

Baki Kabinet MPP selebihnya bakal dimaklumkan oleh pihak MPP dalam masa terdekat.

PRK pada kali ini diadakan secara atas talian bagi memilih calon pelajar mengisi 10 kerusi umum yang melibatkan tujuh kerusi kampus induk, dua kerusi UMS Kampus Antarabangsa Labuan, dan 1 kerusi UMS Kampus Sandakan, serta 22 kerusi fakulti.

Raman dalam pada itu memuji usaha Jawatankuasa PRK UMS yang bekerja keras dalam memastikan perajabatan PRK 2020, bermula dari hari penamaan calon, sesi rapat umum PRK, sehingga ke hari pengundian.

"PRK kali ini mencatatkan peratus tertinggi mengundi yaitu sebanyak 81.05 peratus pelajar menunjukkan tanggungjawab membuat pengundian secara dalam talian.

"Pencapaian ini semestinya bukti memartabatkan daya keptimpinan dan kerja keras semua ahli Jawatankuasa PRK," katanya.

Bekas turut menyeroi ahli MPP yang terpilih agar terus melaksanakan agenda ketajirakan dan pemertanian wawasan perniagaan dan berdedikasi.